

Ajak isteri belajar kerana tiada teman

SERDANG: Selepas dua tahun 'berehat' daripada melayan keletah tiga anak kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran, pasangan suami isteri, Salwidaty Salleh, 38, dan Amir Raslan Yahya, 40, akhirnya lega apabila masing-masing berjaya menerima ijazah sarjana dalam bidang pentadbiran perniagaan pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-31, di sini, semalam.

Salwidaty berkata, menjadi satu cabaran baginya dan suami apabila masa untuk bersama tiga puteri mereka iaitu Alya Nabilah, 10, Nur Farah Hannah, 7, dan Nurul Aisyah, 4, terhad demi mengejar cita-cita.

"Pada mulanya, memang mereka tidak faham apabila saya dan suami sering keluar pada waktu malam kerana ke kuliah. Tambahan pula saya bekerja sambil belajar dan masa yang ada amat terhad untuk diluangkan bersama anak.

"Selepas satu semester, mereka mula faham dan sering bertanyakan kepada kami sama ada akan ke kelas atau tidak pada hari tertentu," katanya yang bekerja sebagai penganalisis aplikasi di syarikat swasta.



LEGA..Salwidaty dan Amir pada Majlis Konvokesyen UPM ke 31, semalam.

Suaminya, Amir Raslan berkata tiada teman belajar menjadi 'alasan' baginya untuk mengajak isteri untuk sama-sama menyambung pengajian.

"Pada asalnya, hanya saya yang diberi peluang oleh syarikat untuk melanjutkan pengajian. Ketika itu, saya fikir tidak seronok jika belajar seorang lalu mengajak isteri untuk menyambung pelaja-

ran di tempat sama.

"Tidak dinafikan, memanglah kami teringat dengan anak-anak di rumah. Ia tidak bermakna kami terus menggenepikan keluarga. Ada masanya ketika membuat kertas kerja di rumah, kami turut mengajak anak-anak membuat kerja rumah mereka. Begitulah cara kami meluangkan masa," katanya.